

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HBT 213 – Sintaksis dan Semantik Untuk Penterjemahan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab mana-mana **EMPAT** [4] soalan.

1. Jawab (a) dan (b)

(a) Jelaskan sama ada setiap kata mempunyai referen?

(b) Berpandukan hubungan makna, berikan pendapat anda terhadap pernyataan ini.

Tembok penjara setinggi itu masih terlalu rendah untuk kedua-dua penjahat itu.

[25 markah]

2. Seseorang penterjemah mesti mempunyai pengetahuan tentang semantik. Jelaskan pernyataan ini.

[25 markah]

3. Benarkah bahawa setiap kata itu mempunyai makna leksikal? Dengan berpandukan definisi makna leksikal, huraikan perbezaan makna yang terdapat pada pasangan ayat (a)-(c).

- (a) (i) Tikus itu mati diterkam oleh kucing Ali.
(ii) Yang berbaju merah itu ternyata menjadi tikus di gudang kami.
- (b) (i) Gajah putih di zoo dihadiahkan oleh kerajaan Thai.
(ii) Gajah putih itu menjadi rebutan orang-orang di kampung.
- (c) (i) Bercinta untuk berjumpa ketua jabatan.
(ii) Bercinta dengan ketua jabatan.

[25 markah]

4. Jawab (a) dan (b).

- (a) Apakah perbezaan dan persamaan sintaksis di dalam ayat-ayat (i)-(vi) dalam menangani makna **ginger** di dalam ayat-ayat tersebut?
 - (i) I love **ginger** tea.
 - (ii) Some dancing would **ginger** up the party.
 - (iii) A **ginger** cat sat on my chair.
 - (iv) **Gingerly** he opened the door.
 - (v) A piece of **ginger** fell on the floor.
 - (vi) **Ginger** is good for you
- (b) Terjemahkan ayat-ayat (i)-(vi) ke dalam bahasa Malaysia.

[25 markah]

5. Baca ayat-ayat (i)-(vi) dan terjemahkan ayat-ayat ini ke dalam bahasa Inggeris. Dengan menggunakan teori logik simbolik terangkan masalah yang dihadapi dalam usaha anda mencari kepadanan yang paling hampir dengan maknanya bagi perkataan yang bergaris dalam teks sumber yang diberikan.

- (i) Patik minta ampun, tuanku.
- (ii) Lembu itu menguak dengan kuat.
- (iii) Buku tebu itu terlalu keras untuk dimakan.
- (iv) Kejadian itu menghantui fikirannya.
- (v) Ali makan gaji di syarikat itu.
- (vi) Mesin itu makan minyak.

[25 markah]

- 00000000 -